

# IQRA'

Bil. 4/2022  
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan  
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**  
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy  
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**  
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -  
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**  
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



**Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI**  
PTAR Segamat - muka 30



**Quran Hour@PST**  
PST Shah Alam - muka 38

## PROMOSI@PTAR



**Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar**



**Untuk menonton  
semula:**



*Pada 7 April 2022 (Khamis), Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan program Takzira Ramadhan yang bertajuk Ramadhan...Kusambut Kehadiranmu. Program ini disampaikan oleh Ustazah Rubiah Binti Abu Bakar, Pensyarah UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Program Takzira Ramadhan ini dijalankan secara bersemuka di Surau Destini Ar-Raudhah UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dan atas talian melalui platform Youtube Live Stream Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKKT.*

*Objektif program perkongsian ilmu rohani ini adalah untuk meningkatkan ibadah dan aura untuk menyambut bulan mulia iaitu bulan Ramadhan. Ia juga dapat mengeratkan ukhwah dan jaringan yang terjalin antara warga UiTM agar sentiasa berterusan dalam melaksanakan pelbagai program yang berimpak tinggi pada masa hadapan.*

*Program Takzira Ramadhan yang berlangsung selama sejam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya warga UiTM yang menyertai sehingga selesai program. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua warga UiTM.*

*Program ini juga dapat menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti. Penonton boleh menonton semula rakaman program tersebut menerusi saluran YouTube PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKKT.*

